

um 7/6/08 Rabu
Rencana Pengarang.

PERKETAT LAPORAN EIA ELAK PEMAJU BERHELAK

KEPUTUSAN kerajaan mewajibkan penyediaan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi semua projek pembangunan di kawasan kurang 50 hektar memang kena pada masanya.

Walaupun langkah tersebut hanya boleh dilaksanakan selepas Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dipinda, ia jelas menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk memastikan setiap projek pembangunan dilaksanakan secara telus.

Harapan di sebalik pindaan itu juga pasti besar iaitu tiada lagi helah di pihak pemaju untuk mengelak daripada menyediakan laporan EIA.

Kawasan yang keluasanya kurang daripada 20 hektar tidak mungkin boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian lagi untuk 'menyelamatkan' pemaju-pemaju licik ini.

Jauh lebih penting ialah kita tidak mahu pindaan itu kelak hanya indah di atas kertas sedangkan dari segi penguatkuasaan dan pelaksanaannya masih di takuk lama seperti yang banyak terjadi kepada undang-undang lain di negara kita.

Kita tidak mahu di sebalik kesungguhan kerajaan untuk memastikan setiap projek di kawasan tanah tinggi lulus semua syarat, masih ada pihak mengambil kesempatan 'mengaburi' undang-undang yang sedia terang dan jelas.

Tidak kurang pentingnya ialah di sebalik undang-undang yang bakal dipinda itu, setiap agensi mesti mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk menyelia segala keperluan serta prasyarat sebelum sesuatu projek itu diluluskan.

Persoalan juga perlu dijawab sama ada jabatan yang bertanggungjawab seperti Jabatan Mineral dan Geosain, Institut Kerja Raya Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk memastikan laporan EIA yang disediakan benar-benar menepati kriteria yang ditetapkan.

Paling penting ialah sejauh mana pakar-pakar ini mampu serta layak untuk memastikan kawasan tersebut benar-benar selamat untuk dibangunkan.

Kita perlu ingat nyawa penghuni kawasan baru yang hendak dibangunkan dan penduduk di kawa-

san sekitarnya amat bergantung kepada pakar-pakar ini.

Laporan yang tidak diteliti secara mendalam dan kemudiannya diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk diluluskan umpama 'mengambil nyawa' bakal penghuni di kawasan tersebut.

Di pihak berkuasa tempatan juga perlu ada pakar-pakar yang boleh menilai semula keseluruhan laporan dan mampu menimbulkan persoalan jika terdapat sebarang keraguan.

Tidak kurang pentingnya ialah kerajaan perlu menyegerakan usaha menyeragamkan undang-undang pembangunan kawasan tanah tinggi supaya ia dapat diguna pakai oleh semua pihak berkuasa tempatan tanpa ada perbezaan atau percanggahan.

Kita tidak mahu lagi adanya lompong dalam undang-undang berkaitan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan apabila berlakunya tragedi seperti di Kampung Pasir semua pihak saling menuding jari.